

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID [Pengerang]**

TARIKH : 12.3.2014 (RABU)

DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [Pengerang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan atau dasar untuk mengawal para pekerja asing dari menikmati subsidi yang diberikan oleh Kerajaan dan sekiranya ada, bagaimana cara-cara perancangan atau dasar tersebut akan dikuatkuasakan oleh Kementerian.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Ketika ini, Kementerian tidak mempunyai perancangan atau dasar khusus untuk mengawal pekerja asing daripada menikmati subsidi yang diberikan oleh Kerajaan kecuali kawalan pembelian petrol RON95 dan Diesel di stesen-stesen minyak yang melibatkan kereta bernombor pendaftaran asing seperti berikut:

- i) Mengeluarkan arahan kepada semua stesen minyak jualan diesel hanya untuk tangki asal kenderaan sahaja dan tidak boleh menggunakan bekas atau tong kecuali atas kebenaran Pengawal melalui Permit Kawalan Barang Kawalan Berjadual (Khas);
- ii) Menghadkan penjualan diesel kepada 20 liter bagi kenderaan berpendaftaran asing di stesen minyak yang berada dalam lingkungan 50 kilometer daripada sempadan;
- iii) Larangan penjualan Petrol RON95 bagi kenderaan berpendaftaran asing kecuali motosikal melalui Arahan Pengawal Bekalan bermula pada 15 Jun 2011; dan
- iv) Menempatkan anggota Ikatan Relawan Rakyat (RELA) di 45 buah stesen minyak berhampiran sempadan Thailand dan 10 buah stesen minyak berhampiran sempadan Singapura bagi mencegah pembelian minyak diesel dan minyak petrol bersubsidi oleh kenderaan berpendaftaran asing.